

Pekerjaan Para Nabi

Ibn Abbas R.Anhuma berkata:

كَانَ آدَمُ عَلَيْهِ السَّلَامُ حَرَّائًا، وَنُوحٌ نَجَّارًا، وَإِدْرِيسُ خَيَّاطًا، وَإِبْرَاهِيمَ وَلُوطَ
زَرَاعِينَ، وَصَالِحٌ تَاجِرًا، وَدَاوُدَ زَرَّادًا، وَمُوسَى وَشُعَيْبَ وَمُحَمَّدٌ صَلَّى اللهُ
تَعَالَى عَلَيْهِمْ وَسَلَّمَ رُعَاةً.

Maksudnya: "Adalah Nabi Adam bekerja sebagai petani, Nabi Nuh sebagai tukang kayu, Nabi Idris sebagai tukang jahit, Nabi Ibrahim dan Nabi Lut sebagai peladang, Nabi Soleh sebagai peniaga, Nabi Daud sebagai tukang besi, Nabi Musa, Nabi Syuaib dan Nabi kita Muhammad, semoga Allah selawat ke atas mereka sebagai penternak."

Diriwayatkan oleh Ibn Qudamah al-Maqdisi dalam *Mukhtasar Minhaj al-Qasidin*, hal. (82)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Hadis ini menunjukkan betapa perlunya umat Islam bekerja sehingga dikatakan menuntut yang halal adalah fardu selepas fardu. Antara kerja yang sepatutnya umat Islam menceburi ialah berternak. Sesuai dengan matlamat kerajaan untuk menjayakan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di mana pertanian memainkan peranan yang besar dalam membina kekuatan ummah dan ekonomi negara. Persoalannya, ramai di kalangan kita berternak sebagai sampingan sahaja dengan kuantiti binatang yang sedikit serta tanpa perancangan untuk membesarkannya. Ini disebabkan beberapa faktor seperti:
 - i. Kurangnya pengetahuan berkenaan dengan bidang tersebut.

- ii. Kekurangan modal.
 - iii. Tempat yang terhad.
 - iv. Minda yang tidak jelas berkenaan dengan bidang tersebut.
2. Halangan-halangan ini sebenarnya dapat di atasi oleh mereka yang bukan Islam sehingga mereka menjadikan bidang penternakan dan pertanian secara bersepadu. Bukan itu sahaja, kualiti dan kuantiti dimegakannya. Akhirnya, mereka menjadi pengeluar utama hasil pertanian dan penternakan bukan di tahap kampung, bahkan menembusi pasaran dunia global. Sudah tentu laba dan keuntungan mereka jauh lebih besar, sekaligus menjana peningkatan ekonomi.
 3. Walaupun penternakan merupakan pekerjaan yang dianggap terlalu kuno, tetapi ianya boleh dimodenkan pada zaman sains dan teknologi masa kini. Ini terbukti dengan penubuhan pusat-pusat penyelidikan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.
 4. Justeru, marilah kita berganding bahu memulakan langkah maju untuk menjadikan negara kita sebagai hub halal terbesar di dunia dalam bidang penternakan. Perkara ini sekalipun nampak hampir mustahil, tetapi, dengan keyakinan, usaha yang bersungguh-sungguh di samping kerjasama yang utuh, sudah pasti ianya dapat dicapai dengan penuh kegemilangan.
 5. Projek perintis pembenihan ikan keli secara aruhan kini mendapat tempat di kalangan usahawan tani yang mempunyai wawasan untuk menguasai industri akuakultur di negara kita. Projek tersebut bertujuan untuk melahirkan penternak-penternak yang bukan sahaja mahir dalam ternakan ikan air tawar, tetapi maju setapak dengan menguasai kemahiran untuk membenihkan ikan air tawar khususnya ikan keli. Industri akuakultur terutamanya penternakan ikan air tawar telah mula berkembang pesat dan menembusi pasaran baik di dalam negara mahupun peringkat global.
 6. Bekalan yang dihasilkan oleh penternak masih belum dapat menampung permintaan yang begitu tinggi sehingga seringkali bekalan ikan air tawar gagal memenuhi permintaan. Ini kerana, di samping permintaan yang tinggi, pembeli kini telah mempunyai penilaian yang tersendiri apabila menjadikan sumber bekalan makanan ikan dan anak benih sebagai kayu pengukur.

7. Pembeli ikan air tawar kini bijak memilih ikan yang dihasilkan melalui pembenihan yang berkualiti dan ternakan yang sistematik dari segi pemakanan dan penjagaan untuk disajikan kepada pelanggan. Ikan yang tidak dikawal sumber pemakanan dan berasal dari anak benih yang tidak berkualiti tidak mampu memenuhi pilihan dan kehendak pembeli bijak ini.
8. Pencapaian-pencapaian tersebut adalah hasil daripada pelaksanaan pendekatan keadilan sosial dalam penyusunan ekonomi bernegara, yang sekaligus menghasilkan pembangunan ekonomi komprehensif dan seimbang.
9. Walaupun pencapaian objektif ekonomi negara dapat dibanggakan, ruang untuk kita terus berusaha ke arah pencapaian yang lebih baik perlu kepada kesungguhan dan kebijaksanaan kita merancang dan melaksanakan dasar ekonomi secara tepat dan efektif. Segala kekurangan yang sedia wujud memerlukan usaha yang jujur, bijak dan berkesan untuk ke semua golongan, sama ada sektor awam dan swasta yang sama-sama berusaha ke arah memantapkan penyusunan dan prestasi ekonomi.

Mutiara Hikmah

- ❖ Iman, kesihatan, kekayaan, kebebasan, rasa aman, semangat muda dan ilmu adalah satu dari semua yang diinginkan oleh orang-orang yang berfikir. Namun hanya sedikit orang yang mampu mendapatkannya sekaligus.
- ❖ **Ahli hikmah berkata:** Empat perkara siapa yang ada pada dirinya nescaya diharamkan dari kebaikan:
 - i. Orang yang angkuh terhadap orang bawahannya.
 - ii. Orang yang derhaka terhadap kedua ibu bapanya.
 - iii. Orang yang menghina orang asing atau pengembara.
 - iv. Orang yang menghina orang miskin kerana kemiskinannya.

Kisah Teladan

Dalam suatu riwayat dikisahkan, bahawa Nabi Isa AS bertemu dengan seekor lembu yang akan melahirkan, sedang janin yang dikandung dalam perutnya sukar untuk dikeluarkan. Lalu lembu itu mendongak ke arah langit dan meminta pertolongan kepada Allah. Allah Maha Kuasa, yang membuat lembu tersebut boleh berkata-kata. Lembu itu berkata: “Wahai Zat Yang Maha Hidup lagi Maha Mengatur semua urusan makhlukNya, permudahkanlah bagiku.” Kemudian lembu berkata: “Wahai Isa, wahai roh Allah, saya memohon kepadamu supaya kamu berdoa kepada Allah untuk memberikan kemudahan kepadaku.” Maka Isa AS menangis dan berdoa kepada Allah SWT untuk memberikan kemudahan kepadanya, maka Allah pun memberikan kemudahan kepadanya.

Semua makhluk hidup ini mengadu kepada Allah SWT. Seorang Syeikh yang mulia memberitahu kepada kita tentang kisahnya yang unik dengan berkata: “Saya bermusafir dengan kapal laut di Laut Merah, hampir dengan pintu Mandab yang bersebelahan dengan ‘Adan. Maka tatkala waktu sembahyang Maghrib tiba, sedangkan saya masih berada di tengah-tengah lautan, saya pun melaungkan azan.

Saat itu ada seekor ular di lautan, setiap kali saya mengatakan “الله أكبر” maka dia mengangkat setengah dari badannya daripada laut. Dan bila saya diam, dia pun kembali ke dasar laut. Setiap kali aku mengucapkan kalimah dalam azan, dia akan mengangkat tubuhnya, kemudian dia akan tenggelam ke dasar laut setelah saya diam.